

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

**DARIPADA : YB Dato' Sri Douglas Uggah Embas
[Betong]**

TARIKH : 9 November 2016

**SOALAN : YB Dato' Sri Douglas Uggah Embas
[Betong] minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI menyatakan secara terperinci :**

- (a) Apakah rancangan FAMA untuk membeli hasil pengeluaran tempatan seperti buah dan sayuran di kawasan luar bandar Sarawak; dan
- (b) berapakah jumlah pasar tani yang beroperasi di Malaysia dan berikan pecahan mengikut negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Untuk makluman, di bawah Program Pembangunan Urusniaga, FAMA Negeri Sarawak telah melaksanakan pembelian hasil-hasil pertanian seperti sayur-sayuran dan buah-buahan daripada petani di kawasan luar bandar Negeri Sarawak. Program ini bertujuan untuk menjamin pasaran bagi hasil yang dikeluarkan oleh petani-petani dengan harga yang berpatutan. Program ini juga adalah bagi memenuhi keperluan pasaran di Sarawak dan permintaan di Semenanjung Malaysia.

Bagi tujuan ini, FAMA Negeri Sarawak telah mendirikan 4 buah Pusat Operasi Urusniaga di seluruh Negeri Sarawak iaitu di Samarahan, Sibu, Bintulu dan Miri. Selain daripada pusat operasi urusniaga, FAMA juga mempunyai 11 pejabat FAMA Bahagian yang membantu dalam urusniaga hasil pertanian dan memberi khidmat sokongan pemasaran.

FAMA Negeri Sarawak merancang untuk meningkatkan lagi peranannya dalam urusniaga sayur-sayuran dan buah-buahan melalui kerjasama dengan Kerajaan Negeri Sarawak. Di antaranya, FAMA akan memperluaskan aktiviti urusniaga ke kawasan pengeluaran yang dikenalpasti dan dikendalikan oleh Jabatan Pertanian Negeri Sarawak dan agensi yang berkaitan.

- (b) Sehingga Ogos 2016, sebanyak 410 buah Pasar Tani dengan 639 kekerapan operasi Pasar Tani telah diwujudkan di seluruh negara dengan nilai jualan sebanyak RM538,329,760.65.

**BILANGAN PASAR TANI, PESERTA DAN NILAI JUALAN
BERAKHIR OGOS 2016**

BIL	NEGERI	BILANGAN KEKERAPAN PASAR TANI	BILANGAN PESERTA	NILAI JUALAN (RM)
1	PERLIS	39	680	11,439,442.50
2	KEDAH	50	2075	48,820,485.45
3	PULAU PINANG	14	451	6,289,162.80
4	PERAK	32	1868	29,231,972.60
5	SELANGOR	73	5090	126,885,032.85
6	NEGERI SEMBILAN	32	1904	24,299,102.30
7	MELAKA	26	723	7,359,238.00
8	JOHOR	95	2834	68,541,546.95
9	KELANTAN	65	2724	26,246,898.20
10	PAHANG	47	2501	47,855,388.05
11	TERENGGANU	27	1565	64,437,171.40
12	SABAH	40	1144	11,386,276.60
13	SARAWAK	60	2144	7,753,052.40
14	WILAYAH	39	1929	57,784,990.55
	JUMLAH	639	27,632	538,329,760.65